

27 OKTOBER  
2017



# Syarahhan

CentPRIS - Dato' Jenaton



## ASAL USUL BALIK PULAU DAN PENDUDUK AWALNYA

Syarahhan oleh

Haji Mohd Nasser Bin Malim

## **Mengenai** **Syarahan Cenpris – Dato’ Jenaton** *CenPRIS Dato’ Jenaton Lectures*

Siri Syarahan Cenpris-Dato’ Jenaton bertujuan berkongsi dan merakamkan cerita-cerita mengenai kehidupan dan pemikiran masyarakat Melayu-Islam di Pulau Pinang. Ia menjemput individu sebagai sumber sejarah dan penceramah dari pelbagai latar belakang dan bidang untuk bercerita, mentafsir, dan menggalakan sejarah dan warisan Melayu serta pertembungan Melayu-Islam dengan budaya-budaya dan etnisiti dalam dan luar rantau kepulauan Melayu.

### **Syarahan Cenpris – Dato’ Jenaton**

Dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa [CenPRIS], Universiti Sains Malaysia, dengan kerjasama Keluarga Dato’ Jenaton [K-Jenaton], Persatuan Sejarah dan Warisan Melayu Pulau Pinang [PEWARISAN] dan Unit Sejarah Lisan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

## BIODATA



Haji Mohd Nasser bin Malim dilahirkan di Alor Setar, Kedah pada 2 Oktober 1970. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Tunku Raudzah, Alor Setar, Kedah pada 1977-1982. Seterusnya, beliau melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Agama Raudatul Ulum, Alor Setar pada 1983-1984, sekolah Maktab Mahmud Alor Setar pada 1985-1990 seterusnya di Universiti Malaya pada 1992-1996 dengan mendapat ijazah sarjana muda sastera dan sains sosial dengan pengkhususan dalam bidang sejarah dan pengajian islam dan kemudian memperolehi sarjana sastera dalam bidang sejarah pada 2016 di Universiti Sains Malaysia. Mula berkhidmat dengan Arkib Negara Malaysia sebagai Pegawai Arkib pada 1996. Beliau pernah menjawat jawatan Pengarah Arkib Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang pada 2005 hingga 2014. Kini sebagai Ketua Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi sejak 2014. Sepanjang berkhidmat di Pulau Pinang, beliau aktif dalam kegiatan sosial di

Pulau Pinang antaranya dengan menubuhkan persatuan penaja Persatuan Sejarah dan Warisan Melayu Pulau Pinang bersama Prof Emeritus Datuk Mohamad Hj Salleh pada 2011. Selain itu, beliau juga aktif dalam persatuan melayu Pulau Pinang dan Persatuan Kelab Peminat P.Ramlee Pulau Pinang sebagai ahli dan AJK Muzium Warisan Melayu Pulau Pinang dan ahli Lembaga Muzium dan Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang pada 2005-2009 dan pernah dipilih sebagai Naib Presiden Kelab Gabungan Persatuan Kebudayaan dan Kesenian Melayu Pulau Pinang pada 2011. Beliau berkahwin dengan Puan Hjh Zalina binti Abdul Rahman dan dikurniakan 3 orang cahaya mata perempuan.

## Aturcara Majlis

**27 OKTOBER 2017**

Bilik Mesyuarat  
Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa  
(CenPRIS)  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang

---

3.00petang : Ketibaan Para Jemputan dan Pendaftaran

3.30petang : Kata-kata aluan Pengarah CenPRIS  
Prof. Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk

3.35petang : Pengenalan kepada penceramah  
Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican  
*Konvenor Syarahan CenPRIS-Dato' Jenaton*

3.50petang : Syarahan : Haji Mohd Nasser Bin Malim  
*(Ketua Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi  
Arkib Negara, Kuala Lumpur)*

4.30petang : Sesi Interaksi

5.00petang : Majlis Bersurai

# **Asal Usul Balik Pulau dan Penduduk Awalnya**

*oleh*

***Haji Mohd Nasser Bin Malim***

*Ketua Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi, Arkib Negara, Kuala Lumpur*

## ***Pengenalan***

Nama Balik Pulau membawa maksud di sebalik pulau atau di belakang Pulau Pinang yang dipisahkan dari banjaran bukit bukau yang berhutan rimba merentang di bahagian tengah Pulau Pinang. Mukim ini mendapat namanya melalui orang-orang Melayu yang membuka kawasan ini. Tarikh sebenar Balik Pulau dibuka sukar ditentukan dengan tepat kerana terdapat berbagai teori mengenai pembukaan daerah tersebut.

Menjelang ketibaan Francis Light di Pulau Pinang pada 1786, kebanyakan tanahnya masih diliputi oleh hutan tebal dan tidak semua kawasan pulau didiami penduduk walaupun beliau telah bertemu dengan sekumpulan penduduk tempatan yang mendakwa mendiami Datuk Kramat sejak 90 tahun sebelumnya. Light kemudiannya membersihkan hutan-hutan untuk didirikan pelabuhan dan bandar. Menurut Captain Macalister, sebelum Francis Light tiba, pulau ini telah pun didiami oleh orang-orang Melayu.

Ini berdasarkan kepada bukti dari kesan tanah perkuburan orang Melayu yang terdapat di kedua-dua belah Jalan Perak di selatan Sungai Pinang dan dalam kawasan Green Lane dengan Jalan Perak. Selain itu, terdapat juga bukti petempatan di Teluk Jelutong atau Jelutong dan Sungai Keluang di sebelah selatan Pulau Pinang. Terdapat juga sumber lisan mengenai tokoh yang membuka Balik Pulau terdiri dari orang-orang Melayu dari pelbagai negeri seperti Kedah, Aceh, Perlis dan Siam.

Seorang peminat sejarah tempatan, Dato' Haji Omar bin Ratin mendakwa, Kampung Terang di Balik Pulau telah dibuka oleh seorang tokoh terkenal dari Sumatera yang digelar Tok Terang atau Narang. Menurutnya Kampung Terang merupakan petempatan yang terawal berbanding dengan kampung-kampung lain. Bukti kewujudan Tok Terang ialah sebuah kubur lama yang dikatakan milik Tok Terang yang terletak di Kampung Terang.

Ada juga teori yang mengatakan pembukaan Balik Pulau berlaku selepas pembukaan Pulau Pinang oleh Francis Light. Petempatan pertama orang Melayu di Balik Pulau telah dibuka oleh seorang tokoh dari negeri Kedah iaitu Tok Che Mat yang merupakan pelarian perang yang terlibat dengan peperangan melawan tentera Siam. Beliau telah mendirikan masjid Kongsi sebagai tempat beribadah orang-orang Melayu yang menjadi pengikutnya.

Menurut cerita Haji Brunei atau Haji Mahomed Salleh, Tukang Ko dari Perlis dan Lebai Tampak dari Deli telah membuka Balik Pulau beberapa tahun selepas pendudukan British. Bukti lain kewujudan Balik Pulau pada awal 1800-an ialah terdapat maklumat mengenai pentadbiran tanah Balik Pulau yang telah bermula seawal 1823 di mana di dalam Daftar Taburan Pemilikan Tanah secara surat tebang dan surat ukur mengikut kawasan pada tahun 1823, nama dua tempat di Balik Pulau telah disebut iaitu Genting yang mempunyai tanah seluas 37 relung pada 1823 dan Pondok Upeh yang mempunyai 220 relung tanah pada tahun yang sama.

Selain itu, terdapat juga orang-orang Melayu dari Kedah, Patani dan Perlis yang berhijrah ke Seberang Perai dan Pulau Pinang untuk tinggal di bawah perlindungan Inggeris kerana takut dengan ancaman peperangan dan kekejaman yang dilakukan oleh tentera Siam. Kajian melalui sejarah lisan ke atas generasi lama penduduk Balik Pulau telah menemui beberapa fakta mengenai kedatangan peneroka-peneroka dari luar Pulau Pinang. Kaum Melayu dianggap sebagai kaum terawal yang meneroka Balik Pulau dan daerah barat daya berdasarkan kesan-kesan penempatan mereka seperti kampung, tanah perkuburan dan juga masjid. Kedatangan kaum-kaum Melayu dari bahagian lain di Pulau Pinang dan Seberang Perai, Kedah, Perlis, Aceh dan selatan Siam telah membentuk satu komuniti yang unik disebabkan latarbelakang dan budaya yang pelbagai. Masing-masing membina petempatan di kampung yang mempunyai nama dengan

tempat asal usulnya seperti Kampung Perlis, Sungai Acheh, Kampung Terang dan sebagainya. Kesan dari peperangan antara Kedah dan Siam menyebabkan berlakunya gelombang penghijrahan keluar penduduk Kedah ke Seberang Perai dan Pulau Pinang. Perpindahan ini berlaku secara besar-besaran sehingga pada tahun 1851, jumlah penduduk Kedah mengalami kemerosotan yang ketara. Kebanyakan daripada mereka telah membuka petempatan baharu di Seberang Perai dan juga Pulau Pinang khususnya Balik Pulau. Kumpulan pelarian ini menggunakan jalan laut untuk menyusuri kawasan pantai Balik Pulau di mana kawasan ini belum lagi mempunyai penghuni.

Mereka kemudiannya membuka petempatan yang berselerak di kawasan landai yang berhampiran dengan sungai bagi memudahkan urusan seharian seperti mandi dan menangkap ikan. Orang-orang Melayu dari Kedah merupakan kumpulan yang paling ramai berbanding dengan orang-orang Melayu dari Perlis dan Patani. Kawasan petempatan yang menjadi tumpuan ialah Kampung Kongsi dan Permatang Pasir. Tokoh pemimpin yang membuka Permatang Pasir ialah Tok Aak bin Lebai Ismail. Selain dari Permatang Pasir dan Kongsi, Pondok Upeh juga merupakan salah sebuah petempatan baharu yang pertama dibuka di Balik Pulau. Petempatan ini juga dibuka oleh orang-orang Melayu yang lari dari penindasan Siam. Kumpulan ini kemudiannya membuka petempatan baharu di Simpang Empat dan Paya Genting.

Orang-orang Melayu di petempatan ini terdiri daripada campuran antara orang Kedah dan Patani. Menurut Haji Abdul Rahman bin Tahir, seorang peminat sejarah tempatan, Kampung Titi Tras telah dibuka oleh orang Melayu dari selatan Siam di mana Penghulunya yang pertama bernama Muhammad Saad Benua. Sementara itu satu lagi petempatan baharu bernama Sungai Rusa telah dibuka oleh orang-orang Melayu dari Kedah. Petempatan di Kampung Perlis pula telah dibuka oleh orang-orang Melayu dari Perlis yang turut melarikan diri dari kekejaman tentera Siam.

Selain imigran Melayu dari utara Semenanjung Tanah Melayu dan selatan Siam, terdapat juga imigran dari Aceh yang berhijrah ke Pulau Pinang melalui jalan laut. Ini disebabkan hubungan dagang antara orang-orang Sumatera dan Pulau Pinang serta Kedah telah wujud sejak sekian lama sebelum kedatangan Inggeris. Di Kedah juga telah wujud petempatan orang-orang Aceh khususnya di Yan dan Seberang Perai. Orang Aceh memiliki sifat suka merantau dan berdagang terutamanya ke negeri-negeri yang mempunyai pelabuhan dagang. Tumpuan utama orang Aceh ialah bandar George Town bagi memudahkan mereka menjalankan aktiviti perniagaan dengan pihak Inggeris. Walau bagaimanapun, terdapat juga di antara imigran dari Aceh yang membuat keputusan untuk mendiami kawasan baharu di Balik Pulau di sekitar Pantai Aceh kerana tidak sanggup tinggal di bawah pemerintahan Belanda.

Sejak kewujudan Pejabat Daerah di Balik Pulau pada 1888, penduduknya telah bertambah dan terdiri dari berbilang bangsa yang merangkumi kaum Melayu sebagai golongan majoriti diikuti kaum Cina dan India. Jika penduduk Melayu mewujudkan kampung-kampung tradisional yang menggambarkan asal-usul mereka, kaum Cina pula membangunkan pekan Kongsı yang menjadi nadi utama Balik Pulau sebagai pusat perniagaan dan pentadbiran kerajaan. Banci rasmi yang dikeluarkan oleh pihak Inggeris pada bulan April 1891 menunjukkan jumlah penduduk Kongsı, Balik Pulau ialah sebanyak 1396 orang. Banci penduduk Negeri-Negeri Selat yang dikeluarkan pada 1881 menunjukkan jumlah penduduk seramai 190,597 orang yang terdiri dari berbagai bangsa.

Jadual 2:1 Perbandingan Jumlah Penduduk Pulau Pinang  
Pada Tahun 1881 dan 1891

1881		1891	
Kaum	Jumlah	Kaum	Jumlah
Eropah dan Amerika	674	Eropah dan Amerika	1201
Serani	1597	Serani	1712
Cina	67,820	Cina	87,920
Melayu	91,977	Melayu	106,756
Tamil	27,239	Tamil	36,245
Lain-lain	1,290	Lain-lain	1784
Jumlah	190,597	Jumlah	235,618

( Sumber: *Census of Penang, Province Wellesley, and Dindings, 1881, Straits Settlement Blue Book Volume II-1895* )

Jumlah penduduk Pulau Pinang semakin bertambah dari setahun ke setahun berdasarkan perolehan banci yang dilakukan pada tahun-tahun seterusnya setiap sepuluh tahun sekali. Banci yang dijalankan pada 1901 pula mendapati jumlah penduduk Pulau Pinang ialah seramai 248,207 orang berbanding 235,618 orang pada tahun 1891. Jumlah penduduk berketurunan Melayu ialah 106,000 orang diikuti Cina sebanyak 98,424 orang dan India 38,051.

Jadual 2:2 Perbandingan Jumlah Penduduk Pulau Pinang dan Balik Pulau 1901-1931

Pulau Pinang	1901		1911		1921		1931	
	Balik Pulau	Pulau Pinang	Balik Pulau	Pulau Pinang	Balik Pulau	Pulau Pinang	Balik Pulau	
248,207	-	278,003	25,276	304,335	26,122	359,851	31,305	

(Sumber : *Report On The Census Of The Straits Settlements Taken On 1st March 1901*, Straits Settlement (S.S) Blue Book-1932)

Jumlah orang Melayu di Balik Pulau pada 1911 ialah seramai 15,534 orang, diikuti orang Cina 8,600 dan orang India seramai 1,049 orang. Jumlah penduduk Pulau Pinang pada tahun 1921 ialah 304,335 orang manakala jumlah penduduk Balik Pulau pula sebanyak 26,122 orang. Dari jumlah itu, penduduk keturunan Eropah 6 orang, *Eurasian* atau Serani 7 orang, Melayu 15,345 orang, Cina 9,721 orang, India 1,015 orang dan lain-lain kaum 28 orang.

Jumlah penduduk Pulau Pinang meningkat pada 1931 kepada 359,851 dengan orang Melayu 115,721, orang Cina 176,518 dan orang India 58,020. Penduduk Balik Pulau pula ialah 31,305 orang dengan orang Eropah 6, Serani 15, Melayu 15,746, Cina 13,965, India 1,449, lain-lain kaum ialah 61. Penduduk Balik Pulau terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India dan Serani. Kedatangan kaum-kaum ini ke Balik Pulau bermula dengan pembukaan Pulau Pinang oleh Francis Light pada tahun 1786. Tarikh awal pembukaan Balik Pulau tidak dapat ditentukan dengan tepat kerana terdapat banyak pendapat dan fakta yang berbeza.

Jumlah sebenar penduduk Balik Pulau pada masa pembukaannya tidak dapat dipastikan dengan tepat. Banci penduduk yang dilakukan oleh kerajaan British pada tahun 1891, menunjukkan jumlah penduduk di dua kawasan di dalam Balik Pulau seramai 2,875 orang dengan kawasan Kongsi seramai 1,396 orang sementara Bayan Lepas pula 1,479 orang. Banci yang dijalankan pada 1947 pula, mendapati jumlah penduduk Balik Pulau ialah 35,430 orang seperti di bawah. Kaum Melayu membentuk kampung-kampung kecil mengikut asal usul mereka dan melantik penghulu atau ketua kampung sebagai pemimpin. Penghulu dan pemimpin agama mendirikan tempat ibadat atau masjid sebagai tanda pembukaan sesuatu kawasan. Kampung Pondok Upeh dianggap sebagai penempatan terawal orang Melayu yang berasal dari selatan Siam. Kemudian kampung-kampung lain mula dibuka selepas itu ialah Kampung Permatang Pasir, Titi Tras, Kampung Terang, Pulau Betong, Kampung Sungai Rusa,

Sungai Burong, Jalan Bahru, Sungai Aceh dan lain-lain lagi. Kehidupan yang sengsara di tempat asal merupakan faktor utama penghijrahan sebagai jalan penyelesaian. Penduduk Melayu di Kedah dan selatan Siam telah terlibat dengan peperangan yang panjang dengan Siam (1821-1842).

Jadual 2:3 Jumlah Penduduk Balik Pulau 1947

Bil	Mukim	Populasi
1	A	1,672
2	B	666
3	C	899
4	D	1,620
5	E	1,239
6	F	372
7	G	498
8	H	553
9	I	617
10	J	897
11	1	1,204
12	2	1,622
13	3	1,428
14	4	1,180
15	5	433
16	6	1,929
17	7	1,045
18	8	738
19	9	2,248
20	10	916
21	11	1,805
22	12	9,713
23	Kampung Balik Pulau	2,136
Jumlah		35,430

( Fail Pejabat Daerah Balik Pulau  
No. DOBP 17/50 *Population Unit Index* )

Selepas orang-orang Melayu membuka penempatan di daerah Balik Pulau, pada lewat 1800-an beberapa orang Cina yang merupakan ahli perniagaan yang kaya dan telah bertapak di Sumatera dijemput oleh Inggeris untuk membuka estet getah di Balik Pulau. Ini disebabkan mereka telah pun mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang perladangan. Hasilnya, kawasan hutan diteroka dan pokok-pokok ditebang untuk dijadikan ladang yang luas, jalan dan juga saluran. Orang Cina mendiami pekan Kongsi yang menjadi tapak awal kehadiran mereka sebelum berkembang ke kawasan penempatan nelayan seperti Pantai Acheh, Kuala Sungai Pinang dan Pulau Betong. Orang Cina menguasai ekonomi dengan membuka kedai-kedai barangan keperluan di pekan Kongsi yang menjadi tapak kepada pentadbiran daerah tersebut selepas kedatangan pegawai daerah. Mereka bekerja sebagai tukang kayu, tukang batu, tukang besi, pedagang, pekedai, peladang, buruh pertanian dan mengusahakan tanaman buah pala, bunga cengkih, pokok nila, gambir dan tebu. Kedatangan orang Cina ke Balik Pulau buat kali kedua berlaku apabila tercetusnya Perang Dunia Kedua pada Disember 1941 di mana pihak Jepun telah mengebom bandar George Town. Mereka kemudiannya mendiami kawasan bukit di Balik Pulau buat sementara waktu.

Kedatangan orang India pula agak lewat berbanding dengan kaum Melayu dan Cina. Ini disebabkan ketiadaan faktor yang menarik kedatangan mereka seperti di negeri-negeri Melayu atau kawasan

bandar pelabuhan seperti George Town. Pada awalnya kedatangan kaum India dari Madras antara tahun 1820 hingga 1830-an sebagai pekerja di ladang getah dan ladang kelapa. Kebanyakan daripada mereka kemudiannya menetap di Balik Pulau. Namun, kehadiran golongan peniaga dan pedagang serta cetti (chettiar) mula memberi kesan kepada ekonomi masyarakat setempat. Kemudahan pinjaman dan kadar faedah yang tinggi membolehkan mereka menguasai tanah-tanah kebun atau kediaman.

Mengenai pentadbiran pula, sebelum 1888, pentadbiran Balik Pulau dijalankan secara tradisional di mana penghulu diangkat menjadi pentadbir dan orang perantaraan penduduk dengan penguasa British. Justeru, penghulu diberikan kebebasan untuk menjalankan tugas berpandukan kebijaksanaan dan pengetahuannya bagi menjamin keamanan dan kesejahteraan penduduk di bawah jagaannya. Struktur pentadbiran kampung di Balik Pulau hampir sama antara satu sama lain kerana penduduk Melayu berasal dari rumpun yang sama. Pertambahan penduduk terutamanya kaum bukan Melayu yang semakin bertambah disebabkan pembukaan ladang-ladang buah pala dan bunga cengkih menyebabkan British menubuhkan Pejabat Daerah Balik Pulau pada 1888 khusus bagi menyelaraskan dan menyusun semula pentadbiran Balik Pulau.

Tidak terdapat satu tarikh yang tepat mengenai kewujudan penghulu yang pertama di Balik Pulau. Walau bagaimanapun dapat disimpulkan, institusi penghulu wujud seiring dengan pembukaan

sesuatu kampung dan mukim di Balik Pulau. Dari kajian yang telah dijalankan didapati pada tahun 1822 telah wujud institusi ini di Balik Pulau, di mana pada tahun itu terdapat seorang penghulu di Pondok Upeh bernama Penghulu Hashim. Beliau bertanggungjawab menguruskan pembinaan masjid kayu yang pertama di situ dengan cara mengutip derma dan gotong royong. Sementara itu pada tahun 1884, penduduk di Kampung Genting pula telah menerima penghulu mereka yang pertama iaitu Tok Udin bin Hj Idris. Manakala di Kampung Sungai Rusa, sejak awal tahun 1900-an telah wujud seorang penghulu bernama Tok Konam bin Sani yang berkuasa sehingga tahun 1911. Pada awal abad ke-19, Kampung Titi Tras pula menerima seorang penghulu bernama Saad Benua yang berketurunan Melayu Siam. Penghulu mempunyai bidang kuasa yang luas sebelum pemerintahan British yang menjadikan jawatan penghulu sebagai sebahagian dari unit pentadbiran daerah di bawah pegawai daerah dan dilantik secara rasmi oleh British. Sebelum 1888, penghulu dilantik oleh penduduk kampung melalui kata sepakat tanpa mendapat sebarang elaun dan gaji. Beliau hanya mendapat saguhati yang berupa derma dari anak buahnya. Bagi menyampaikan maklumat kepada anak buahnya penghulu akan menggunakan sesi ceramah dan perhimpunan samada di masjid atau surau.

Walaupun begitu, institusi penghulu sentiasa mengalami perubahan baik dari segi tugas, bidang kuasa dan kawasan pentadbiran. Pada umumnya dapatlah dikatakan institusi penghulu pada peringkat

awalnya adalah bebas dan mempunyai bidang kuasa yang luas serta tidak dikawal oleh pihak kerajaan. Penghulu ketika itu merupakan kuasa tertinggi di dalam masyarakat dan mendapat penghormatan yang lebih serta memonopoli kekayaan di dalam kawasan pentadbirannya. Pelantikan penghulu sebelum campurtangan British dibuat mengikut sistem warisan selain kuasa tertinggi di dalam masyarakat dan mendapat penghormatan yang lebih serta memonopoli kekayaan di dalam kawasan pentadbirannya. Pelantikan seseorang penghulu juga dibuat atas keperibadian yang tinggi sebagai pemimpin yang sesuai dengan hukum syara' seperti layak menjadi imam dan mengajar Quran di masjid, orang yang disegani atau dihormati, orang yang dihormati kerana kewibawaannya, orang yang agak berada serta sanggup memberi bantuan ekonomi kepada penduduk ketika dalam kesulitan.

Selain dilantik oleh penduduk kampung, terdapat juga penghulu yang dilantik oleh penguasa British kerana mempunyai hubungan yang rapat dengan penjajah. Sebagai contoh, Datuk Bahauddin Haji bin Abdul Hamid merupakan antara penghulu Balik Pulau yang terawal dilantik oleh British pada tahun 1860 di mana ketika itu Pulau Pinang diperintah oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris. Perkhidmatannya sebagai penghulu diteruskan semasa pentadbiran kerajaan British pada 1867 sehingga bersara pada 1918. Walau bagaimana pun, beliau menerima jawatan tersebut tanpa mendapat sebarang gaji dan upah. Perkhidmatannya dilakukan sebagai satu bentuk amal bakti kepada

penduduk Balik Pulau yang sangat memerlukan pentadbir yang cekap. Antara peranan dan tugas yang dilakukan oleh penghulu Datuk Bahauddin Haji ialah membangunkan kegiatan sosio-ekonomi Balik Pulau melalui pembukaan tanah-tanah bukit bagi mengusahakan tanaman komersial seperti buah pala dan bunga cengkih. Ini disebabkan beliau merupakan seorang hartawan yang mempunyai tanah dan ladang yang luas di Pulau Pinang dan Balik Pulau. Beliau membawa masuk ramai buruh Cina untuk mengusahakan ladang-ladang tersebut. Selain dari buah pala dan bunga cengkih, beliau juga mengusahakan tanaman tebu dan kopi yang menjadi tanaman komersial pada masa itu.

Beliau menjadi tonggak utama kewujudan pekan Kongsi sehingga muncul sebagai pusat bandar Balik Pulau dengan membina rumah-rumah kongsi yang menjadi kediaman pekerja-pekerja ladang buah pala dan bunga cengkih. Kediaman tersebut kemudiannya membentuk pekan Kongsi dan seterusnya menjadi pusat bandar Balik Pulau. Dari segi keagamaan, Datuk Bahauddin juga memberikan sumbangan besar melalui usaha memperbaharui dan memperbesarkan pembinaan masjid Kongsi Balik Pulau sehingga menjadi sebuah masjid jamek pada tahun 1882. Masjid Kongsi pada awal pembinaannya merupakan sebuah masjid yang dibina dari kayu dan papan.

Sebagai penghulu, beliau bertanggungjawab mengawal keamanan penduduk di bawah jagaannya ketika Balik Pulau berada di dalam

keadaan huru hara akibat kegiatan jenayah Panglima Meh dan pengikutnya yang merompak dan menyamun penduduk. Bagi mengatasi jenayah tersebut, beliau bertindak menubuhkan pasukan bersenjata khas yang diketuai oleh Jemadar Mat Salleh sehingga berjaya mengembalikan keamanan di Balik Pulau. Hubungan baik penghulu Datuk Bahauddin Haji dengan penguasa British membolehkan beliau diberi kepercayaan oleh pihak kerajaan kolonial untuk mentadbir Balik Pulau. Hubungan itu diteruskan pula oleh keturunannya yang menjawat jawatan penghulu dan pegawai daerah di Balik Pulau selepas kematiannya pada 1918.

Selain itu, penghulu juga berperanan menyatupadukan penduduk sekiranya berlaku pertelingkahan dan pergaduhan. Penghulu akan bertindak sebagai hakim dengan dibantu oleh ketua kampung dan sidang yang akan membuat keputusan yang adil tanpa menyebelahi mana-mana pihak. Keputusan yang dibuat oleh penghulu biasanya akan dihormati dan ditaati oleh penduduk kampung.

Kesimpulannya, pembukaan Daerah Balik Pulau telah memberikan manfaat bukan hanya kepada penduduk luar yang dapat membina kehidupan baharu, tetapi juga kepada banyak pihak lain terutama kerajaan kolonial dan golongan peniaga yang mendapat keuntungan secara langsung. Pembukaan daerah baharu itu juga telah memberikan nilai tambah kepada negeri Pulau Pinang yang pada awalnya hanya lah sebuah petempatan kecil sahaja. Jasa peneroka-peneroka melayu terdahulu yang bertungkus lumus memerah keringat membina sebuah petempatan dengan bermodalkan kudrat sahaja wajar dihargai dan dikenang dalam lipatan sejarah pembukaan negeri Pulau Pinang.

*Konvenor Syarahan CenPRIS-Dato' Jenaton*

Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

*Rekaletak oleh*

Amirudin Othman

*Penerbit*

Pengarah

Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa

Prof. Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk

Copyright-2017